

**SULIT**

**Nama Pelajar** : .....

**Tingkatan** : .....

**MODUL PENINGKATAN PRESTASI SPM 2024**

**EKONOMI**

**3767/1**

**Kertas 1**

**Oktober**

**1 ¼ jam**

**Satu jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan:**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan jawapan yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru. dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

- 1 Apakah masalah ekonomi yang dihadapi oleh isi rumah pada masa kini ?
- A Kekurangan sumber ekonomi dalam pengeluaran
  - B Perubahan teknologi yang pesat
  - C Sumber alam yang semakin berkurangan
  - D Kehendak yang sentiasa berubah-ubah


- 2 Maklumat berikut berkaitan satu sumber ekonomi.

Berperanan menyelaraskan faktor pengeluaran bagi menghasilkan barangan.

Sumber di atas ialah

- A memiliki kemahiran profesional
  - B mempunyai mobiliti kegunaan
  - C menerima faedah yang tinggi
  - D mampu menghadapi risiko
- 3 Pemilik modal mreneerima ganjaran faedah kerana
- A menggabungkan faktor pengeluaran
  - B menyumbang tenaga fizikal dan mental
  - C membenarkan orang lain menggunakan aset
  - D menanggungkan perbelanjaan semasa ke masa depan

- 4 Rajah 1 merupakan keluk kemungkinan pengeluaran (KKP) bagi dua jenis barang.




Rajah 1

Pernyataan yang manakah betul?

- I Masalah ketidakupayaan berlaku pada kombinasi R
  - II Masalah ketidakcekapan ditunjukkan oleh kombinasi S
  - III Masalah pilihan berlaku pada setiap titik di atas keluk MAQ
  - IV Kos lepas mengeluarkan 2 tan metrik makanan ialah 4 ribu helai pakaian
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV
- 5 Apakah barang yang hendak dikeluarkan dalam sistem ekonomi kapitalis diselesaikan melalui
- A pemilihan pengeluaran paling cekap
  - B permintaan pengguna
  - C kuasa beli pengguna
  - D penawaran firma
- 6 Pernyataan manakah merupakan kelemahan sistem ekonomi perancangan pusat?
- A Pilihan masyarakat terhad
  - B Agihan pendapatan tidak sekata
  - C Mewujudkan ketidakstabilan ekonomi

- D Mewujudkan kuasa monopoli korporat besar
- 7 Hukum permintaan menyatakan bahawa...
- A semakin rendah harga, semakin kurang kuantiti yang diminta
  - B semakin tinggi harga, semakin kurang kuantiti yang diminta
  - C semakin tinggi harga, semakin banyak kuantiti yang ditawarkan
  - D semakin rendah harga, semakin kurang kuantiti yang ditawarkan
- 8 Apakah yang menyebabkan berlakunya pergerakan di sepanjang keluk permintaan?
- A Perubahan cita rasa pengguna
  - B Perubahan harga barang pengganti
  - C Perubahan harga barang itu sendiri
  - D Perubahan harga barang penggenap
- 9 Antara yang berikut, manakah yang menyebabkan keluk penawaran beralih ke kiri?
- I Penurunan kadar subsidi
  - II Penurunan kos bahan mentah
  - III Peningkatan pelepasan cukai syarikat
  - IV Matlamat pengeluar memaksimumkan keuntungan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

10 Rajah 2 menunjukkan keluk keseimbangan pasaran suatu barang.




Rajah 2

Apakah yang berlaku dalam pasaran pada tingkat harga RM 25?

- I Lebih permintaan sebanyak 10 unit
  - II Lebih penawaran sebanyak 10 unit
  - III Keseimbangan pasaran dicapai
  - IV Harga cenderung naik
- |            |              |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

11 Rajah 3 menunjukkan keluk perubahan keseimbangan pasaran telefon pintar.



Rajah 3

Jika  $E_0$  ialah titik keseimbangan asal, manakah kesan peningkatan pendapatan isi rumah kepada keseimbangan pasaran telefon pintar?

- A Keluk permintaan beralih ke kiri dari  $D_0D_0$  ke  $D_2D_2$
- B Kuantiti keseimbangan pasaran yang baharu ialah  $Q_2$
- C Kuantiti keseimbangan pasaran akan meningkat dari  $Q_0$  ke  $Q_1$

- D Kuantiti keseimbangan pasaran akan meningkat dari  $Q_2$  ke  $Q_1$
- 12 Harga barang Z turun sebanyak 40% menyebabkan kuantiti diminta barang bertambah daripada 80 unit kepada 120 unit. Berapakah nilai pekali keanjalan harga permintaan untuk barang Z?
- A 0.80  
B 0.83  
C 1.20  
D 1.25
- 13 Penawaran sesuatu barang cenderung menjadi tidak anjal jika
- A inventori adalah terhad  
B bilangan firma yang banyak  
C mobiliti faktor pengeluaran yang tinggi  
D pertambahan kos pengeluaran yang kecil
- 14 Pernyataan yang manakah betul tentang fungsi wang sebagai alat simpanan nilai?
- A Pembelian komputer riba baru dengan harga mahal  
B Penetapan harga perabot jati yang diimport dari Indonesia  
C Proses menjelaskan bayaran ansuran kereta dalam tempoh 9 tahun  
D Mencarum ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan satu kemudahan pembayaran yang disediakan oleh bank perdagangan.

Setiap bulan Syarikat Reffa Berhad membayar gaji pekerja dengan memasukkan ke dalam akaun setiap pekerjanya.

Apakah kemudahan tersebut?

- A Overdraf  
B Debit langsung  
C Pindahan kredit  
D Perintah sedia ada

- 16 Jenis pekerjaan yang manakah tergolong dalam sektor ketiga?
- I Pengurus kilang
  - II Kaunselor sekolah
  - III Tukang masak hotel
  - IV Pekerja ladang tebu
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 17 Puan Intan menyimpan sebanyak RM4 500 dalam akaun simpanan di sebuah bank perdagangan pada 1 April 2023 dengan kadar faedah 2.5% setahun.
- Berapakah faedah yang diperolehi oleh Puan Intan pada 31 Disember 2023?
- A RM28.13  
B RM84.38  
C RM93.75  
D RM112.50
- 18 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kepentingan belanjawan peribadi?
- I Mengelakkan inflasi
  - II Meningkatkan pendapatan
  - III Membolehkan individu membeli barang mewah
  - IV Membolehkan individu mendahulukan perbelanjaan yang penting
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

- 19 Jadual 1 menunjukkan output dan jumlah kos bagi sesuatu barang.

<b>Output (unit)</b>	<b>Jumlah kos (RM)</b>
0	20
5	42
7	60

Jadual 1

Berapakah kos marginal pada output ke 7?

- A RM 9
  - B RM 15
  - C RM 18
  - D RM 22
- 20 Jadual 2 menunjukkan kos pengeluaran sebuah firma.

<b>Keluaran (unit)</b>	<b>Jumlah Kos (RM)</b>
0	120
4	320
10	800

Jadual 2

Hitung kos purata untuk unit output ke-12, jika kos berubah firma ialah RM780.

- A RM55
- B RM65
- C RM75
- D RM85



- 21 Jadual 3 menunjukkan hubungan antara input dengan jumlah keluaran suatu barang .

Input tetap (unit)	Input berubah (unit)	Jumlah keluaran (unit)
2	2	6
2	4	24
2	6	46
2	9	70

Jadual 3

Penyataan manakah betul tentang jadual di atas

- A Keluaran marginal semakin meningkat  
 B Firma beroperasi dalam jangka panjang  
 C Keluaran marginal menurun selepas input berubah yang ke -6  
 D Keluaran marginal adalah sebanyak 24 unit pada input berubah ke – 9
- 22 Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran sebuah firma.

Output	:	1, 000 unit
Harga jualan seunit	:	RM 15.00
Kos purata	:	RM 10.00

Berapakah untung firma tersebut?

- A RM 5 000  
 B RM 10 000  
 C RM 15 000  
 D RM 25 000
- 23 Antara yang berikut, faktor yang manakah akan meningkatkan produktiviti sebuah organisasi?
- I Prosedur kerja yang fleksibel dan ringkas  
 II Proses membuat keputusan yang rumit  
 III Persekitaran kerja yang sempit dan berbahaya  
 IV Tenaga pekerja yang mahir dan berkebolehan
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

24 Antara berikut, yang manakah merujuk kepada kos sosial?

- A Kos peribadi tambah kos luaran.
- B Kos peribadi tolak faedah peribadi.
- C Faedah luaran tolak faedah peribadi
- D Faedah peribadi tambah faedah luaran

25 Maklumat berikut berkaitan dengan objektif kerajaan.

“Kerajaan perlu memastikan kadar inflasi yang rendah dalam negara .”

Apakah objektif makroekonomi tersebut?

- A Kestabilan harga
- B Guna tenaga penuh
- C Pertumbuhan ekonomi
- D Kestabilan imbalan pembayaran

26 Antara yang berikut, kombinasi manakah yang betul mengenai hubung kait antara peranan kerajaan dalam menjaga kebajikan masyarakat.

	<b>Peranan Kerajaan</b>	<b>Fungsi</b>
A	Sebagai pengeluar	Mengeluarkan barang ekonomi agar dapat memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat
B	Mencapai pertumbuhan ekonomi	Kerajaan campur tangan dalam ekonomi untuk mengawal kuasa pasaran supaya harga barang dapat distabilkan
C	Mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif	Aktiviti pengeluaran yang semakin pelbagai dalam ekonomi memerlukan pemantauan agar tidak menindas pengguna
D	Mencapai kestabilan harga	Imbalan pembayaran lebihan dapat dicapai jika melebihi pengaliran masuk wang melebihi pengaliran wang keluar

27 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu jenis pengangguran.

Syarikat Bunga Keladi Sdn Bhd telah memberhentikan ramai pekerja kerana ingin mengurangkan kos operasi syarikat.

Apakah jenis pengangguran yang dialami oleh pekerja syarikat tersebut?

- A Pengangguran kitaran
- B Pengangguran struktur
- C Pengangguran geseran
- D Pengangguran bermusim

28 Apakah kesan belanjawan defisit terhadap ekonomi negara?

- A Kuasa beli pengguna dan permintaan terhadap barang dan perkhidmatan dalam pasaran akan menurun
- B Memperlambatkan pertumbuhan ekonomi dalam negara dan menyebabkan tingkat harga umum menurun
- C Mencipta peluang pekerjaan kepada masyarakat dan menambahkan pendapatan individu
- D Inflasi dapat dikawal dan kos sara hidup masyarakat telah menurun

29 Pilih pasangan yang betul berkaitan Alat dasar kewangan yang digunakan semasa inflasi.

	<b>Alat dasar kewangan</b>	<b>Kesan</b>
A	Menaikkan nisbah rizab berkanun	Keupayaan bank perdagangan memberi pinjaman meningkat
B	Menaikkan kadar faedah	Jumlah pinjaman yang dibuat oleh masyarakat berkurang
C	Menjual surat jaminan kerajaan	Penawaran wang dalam pasaran meningkat
D	Melonggarkan syarat sewa beli	Tempoh pinjaman bayaran balik dipendekkan

30 Pernyataan yang manakah berkaitan dengan cukai langsung?

- A Syarikat Pama Berhad dikenakan cukai jualan dan perkhidmatan
- B Koperasi Sejahtera membayar cukai atas keuntungan yang diperolehi
- C Cik Azie membayar cukai kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia
- D Encik Sayuti membayar cukai kepada agensi pekerja asing

- 31 Apakah kesan positif pelaburan langsung asing?
- A Wujud kelestarian ekonomi
  - B Meningkatkan kualiti barang
  - C Mencapai keseimbangan barang
  - D Produktiviti dan keupayaan pekerja meningkat
- 32 Apakah kebaikan pembentukan blok ekonomi?
- I Kos pengeluaran meningkat dan daya pengeluaran rendah.
  - II Pemindahan teknologi yang canggih dan penambahan tenaga pakar
  - III Memudahkan pergerakan barang, perkhidmatan dan sumber
  - IV Wujud kuasa monopoli
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 33 Antara yang berikut manakah merupakan tujuan kerajaan mengenakan sekatan terhadap barang import?
- I Meningkatkan pendapatan negara
  - II Memperbaiki imbalan pembayaran
  - III Mengurangkan eksport ke luar negara
  - IV Menggalakkan penawaran barang import
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

**Soalan 34** hingga **soalan 40** berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 34 I Kehendak adalah sesuatu yang dipenuhi terlebih dahulu.  
II Contoh kehendak ialah pakej pelancongan.
- 35 I Apabila pasaran mencapai keseimbangan, penurunan harga akan menyebabkan berlakunya lebih permintaan.  
II Lebih permintaan akan menyebabkan harga cenderung jatuh untuk mencapai titik keseimbangan.
- 36 I Semakin rendah harga purata barang, semakin tinggi upah benar.  
II Semakin tinggi upah benar, semakin banyak kuantiti barang dan perkhidmatan yang boleh diperolehi.
- 37 I Tabungan ialah pendapatan boleh guna yang tidak dibelanjakan oleh individu.  
II Individu yang menabung di bank akan menerima pulangan dalam bentuk untung.
- 38 I Tujuan kerajaan membuat projek pembangunan adalah untuk memaksimumkan keuntungan.  
II Contoh projek pembangunan ialah Mass Rapid Transit (MRT) dari Sungai Buloh ke Kajang, Selangor.
- 39 I Tarif ad valorem ialah cukai import yang dihitung berdasarkan jumlah nilai barang import.  
II Contoh tarif ad valorem ialah sebanyak 20% dikenakan ke atas jumlah nilai tayar import.
- 40 I Ringgit Malaysia mengalami kejatuhan nilai apabila wujudnya lebih penawaran Dolar Amerika Syarikat di pasaran pertukaran asing.  
II Ringgit Malaysia mengalami kenaikan nilai apabila wujudnya lebih permintaan Dolar Amerika Syarikat di pasaran pertukaran asing .

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**